

02 NOV 2002

Mahathir-Musuh

BERSATU HADAPI MUSUH NEGARA, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti-parti pembangkang mengurangkan politik kepartian, sebaliknya bersatu dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi musuh dari luar.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini, semua pihak perlu bersatu untuk bersama-sama kerajaan sebagai persiapan menghadapi ancaman daripada musuh luar negara.

"Kita perlu mengurangkan, kurangkan politik (kepartian) kerana kita ada musuh daripada luar negara dan sebab itu kita harus bersatu untuk menghadapi musuh luar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen BN peringkat negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN Negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya, Setiausaha Agong BN Tan Sri Mohamed Rahmat dan pemimpin parti-parti komponen BN peringkat negeri.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata semua pihak perlu mengurangkan politik kepartian bagi memberi tumpuan kepada usaha meneruskan perjuangan membangunkan negara.

Sebelum itu ketika berucap, Perdana Menteri menawarkan kepada parti Keadilan Nasional supaya menyertai Umno semula untuk bersama-sama berjuang membangunkan negara.

"Eloklah Keadilan gulung tikar dan masuk balik ke dalam Umno. Kita bersedia menerima mereka seperti mana kita menerima kembali anggota-anggota Parti Semangat 46," katanya.

Beliau berkata Keadilan bersama-sama DAP dan PAS melalui gabungan barisan alternatif tidak mempunyai masa depan untuk menubuhkan kerajaan sendiri kerana hubungan sesama mereka sekarang sudah lemah dan semakin retak.

Bagaimanapun sekiranya para anggota Keadilan ingin kembali kepada Umno, tujuan mereka berbuat demikian perlulah ikhlas untuk bersama-sama kerajaan BN membangunkan negara dan bukan semata-mata kerana tujuan tertentu, katanya.

Dr Mahathir turut membuat jemputan terbuka kepada parti pembangkang lain untuk menyertai BN kerana BN mengamalkan dasar terbuka serta sanggup berkongsi kuasa sekiranya penyertaan mereka ikhlas.

"Jemputan ini terbuka kepada semua parti. Kita tidak tamak kuasa, sebab itu kita sanggup berkongsi kuasa dengan parti-parti lain yang semakin lama semakin banyak menyertai BN dan baru-baru ini kita terima Parti Bersatu Sabah (PBS) masuk semula ke dalam BN," katanya.

Perdana Menteri juga berkata pendekatan perkongsian kuasa yang digunakan BN sekarang membolehkan parti-parti komponen BN mempunyai wakil masing-masing dalam kerajaan untuk bersama-sama berbincang mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi negara serta mencari formula untuk membangunkan negara.

Ini membuktikan perjuangan BN ikhlas dan oleh itu, setiap anggota komponennya juga perlu tidak bersikap tamak serta mementingkan diri sendiri sahaja.

"Kita jangan tamak, kita jangan ambil kesemua 100 peratus untuk diri sendiri, kerana jumlah itu boleh berubah menjadi kosong. Kita hanya perlu mengambil sejurai dan kita perbesarkan jumlah yang kecil itu," tegas

beliau.

Selain itu, katanya, kemenangan setiap calon BN juga masih bergantung kepada sikap sokong-menyokong sesama mereka dan setiap anggota BN perlu menyokong calon-calon parti komponen lain walaupun berlainan kaum.

Perdana Menteri berkata sikap sokong-menyokong itu akan membantu BN mendapat kemenangan dengan majoriti yang lebih baik kerana melalui majoriti yang baik itu, BN akan dapat menubuhkan kerajaan yang berwibawa, kuat dan tidak mudah tumbang.

"Sekiranya kemenangan hanya berdasarkan satu atau dua kerusi sahaja, kerajaan BN tidak boleh merencanakan pembangunan negara dan sekiranya terdapat parti yang mengugut untuk keluar dari BN, BN akan jatuh," jelas beliau.

Dr Mahathir berkata disebabkan kekuatan sikap tolong-menolong dan kerjasama di antara parti-parti komponen BN pada masa ini, tidak ada parti yang mengugut untuk keluar dari BN dan sekiranya ada ugutan seumpama itu, BN tidak mudah jatuh.

Semangat seumpama itu perlu diteruskan untuk melihat negara pelbagai kaum ini hidup aman, tiada persengketaan, tiada rusuhan kaum dan agama, seperti yang berlaku di negara-negara jiran.

"Ketika dunia bergelut dengan masalah persengketaan antara agama dan kaum, di negara ini wujud kedamaian dan keamanan. Kita jangan dijangkiti wabak itu," kata beliau.

-- BERNAMA

SA ZU RON